



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

KENYATAAN TENDER

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding tempatan atau kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan seperti berikut:-

NO. RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG/ BIDANG KAJIAN	TEMPAT, TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	SYARAT UTAMA PELAWAAN	TARIKH BUKA & TUTUP DAN WAKTU TENDER TUTUP
LPB/2019/T03	TENDER CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER BAGI LEMBAGA PELABUHAN BINTULU	210104 : SOFTWARE/ SYSTEM DEVELOPMENT/ CUSTOMIZATION AND MAINTENANCE	SEKSYEN KEWANGAN ARAS 9, MENARA KIDURONG, KM12, JALAN TANJUNG KIDURONG, BINTULU, SARAWAK	TIADA		TARIKH BUKA 26 JULAI 2019 TARIKH TUTUP 15 OGOS 2019 JAM 12.00 TENGAHARI
LPB/2019/T04	PELANTIKAN JURUPERUNDING BEBAS BAGI PENYELESAIAN PENAMATAN PROJEK PEMBANGUNAN	330101 : KEJURUTERAAN AWAM	29 JULAI 2019 SEHINGGA 09 OGOS 2019 NO. UNTUK DIHUBUNGI: URUS SETIA PEROLEHAN 086-232822 / 086- 232872	30 JULAI 2019 SEHINGGA 09 OGOS 2019 PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI: EN. ABG AFZANIZAM SYAM BIN ABG. JUNAIDI 016-8905304 ATAU EN. ABD. MUTALIB FAISAL BIN LAMPONG 016-8771524 ATAU PN. NUR RASHIQAH BINTI SUHAILI 013-8842748	KONTRAKTOR HENDAKLAH BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG/ BIDANG KAJIAN YANG DITETAPKAN.	TARIKH BUKA 25 JULAI 2019 TARIKH TUTUP 14 OGOS 2019 JAM 12.00 TENGAHARI

1. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan/ Tender.
2. Petender-petender yang ingin menyertai tender hendaklah membeli Dokumen Pelawaan/ Tender di Lembaga Pelabuhan Bintulu dalam tempoh iklan dan di alamat yang dinyatakan di bawah.
3. Kedua-dua Dokumen Pelawaan/ Tender masing-masing boleh diperolehi dengan bayaran sebanyak **RM50.00/set** sahaja.
4. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan/ Tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*), dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY**. **Bayaran melalui wang tunai dan cek adalah TIDAK DIBENARKAN.**
5. Satu petender hanya dibenarkan membeli satu (1) Dokumen Pelawaan/ Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja. **TAWARAN ALTERNATIF ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
6. Semasa pendaftaran, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang **masih sah dan berkuatkuasa.**
7. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** untuk Tender LPB/2019/T04. Petender dikehendaki membawa bersama **Cop Rasmi** syarikat.

8. Kesemua Dokumen Pelawaan/ Tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar/kotak yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:-

Nombor Tender : Rujuk No. Tender dalam Jadual di atas

TAJUK TENDER
(Rujuk tajuk tender dalam Jadual di atas)

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Seksyen Kewangan
Menara Kidurong
KM12, Jalan Tanjung Kidurong
Bintulu, Sarawak

- Tawaran tender hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengahari** sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti yang tertera dalam jadual di atas.
9. Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:-
- (a) Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
 - (b) Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender.
10. **Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**
11. Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh petender semasa menyedia dan menghantar tender.
12. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Lembaga Pelabuhan Bintulu di alamat <http://www.bpa.gov.my>.